

Timbang jual flat DBKL – PM

UM - 4/3/2008

Oleh BORHAN ABU SAMAH
dan YULPISMAN ASLI

KUALA LUMPUR 3 Mac – Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan akan mempertimbangkan permintaan lebih 3,000 penyewa rumah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk membeli rumah berkenaan.

Menurut beliau, kerajaan sedar dengan masalah yang dihadapi oleh penduduk di Pantai Dalam yang terpaksa menyewa rumah itu selepas berpindah dari rumah setinggan untuk memberi laluan kepada pembangunan di kawasan terbabit.

“Kerja keras, majukan kawasan, sediakan kemudahan dan apabila sudah menang (Barisan Nasional) jumpa saya,” kata beliau.

Abdullah berkata demikian ketika berucap di hadapan kira-kira 5,000 penduduk pada majlis mesra bersama Perdana Menteri di Pantai Dalam di sini malam ini.

Jaminan tersebut merupakan maklum balas beliau terhadap saranan yang dibuat oleh calon BN di Parlimen Lembah Pantai, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil yang mahu kerajaan membenarkan para penyewa membeli rumah sewa DBKL.

Dalam pada itu, Abdullah memberi jaminan akan memastikan rakyat di sekitar ibu negara memiliki rumah yang selesa sejajar dengan pertumbuhan pesat bandar raya ini.

Menurut Perdana Menteri, adalah tidak wajar apabila Kuala Lumpur mengalami pertumbuhan pesat masih ramai rakyat

yang tinggal di kawasan-kawasan setinggan tanpa kemudahan asas yang selesa.

“Kita tidak mahu mereka terus tinggal di rumah-rumah setinggan,” katanya.

Walaupun hujan lebat, Perdana Menteri tetap bersemangat menyampaikan amanatnya kepada penduduk di kawasan berkenaan.

Turut hadir ialah isteri beliau, Datin Seri Jeanne Abdullah, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Zulhasnan Rafique dan Shahrizat.

Abdullah berkata, perpindahan penduduk dari luar bandar ke ibu negara bagi mencari peluang pekerjaan yang lebih baik menyebabkan pertambahan keperluan perumahan yang mendesak.

Masalah itu, katanya, memang disedari oleh kerajaan dan ia sedang diselesaikan termasuk masalah yang dihadapi penduduk sekitar Pantai Dalam.

Abdullah yang pernah menjadi Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan mengakui untuk menyelesaikan masalah setinggan bukan sesuatu yang mudah kerana penduduk terbabit perlu dipindahkan bagi memberi laluan kepada pembinaan perumahan baru.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, hasil kerja keras semua pihak telah berjaya menyelesaikan masalah yang dihadapi dan ia dapat dilihat dengan perubahan yang berlaku di seluruh kawasan Wilayah Persekutuan.

“Saya tahu mereka (penduduk setinggan) juga mahu duduk dalam keadaan yang selesa dengan kemudahan sebagaimana perumahan yang lain.

“Jadi saya ucap tahniah kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur



ABDULLAH Ahmad Badawi melaungkan Hidup Barisan Nasional bersama Jeanne Abdullah dan Shahrizat Abdul Jalil ketika berceramah dalam hujan lebat di Kampung Kerinci, Kuala Lumpur malam tadi. [Lagi gambar di muka 7]

(DBKL) dan Kementerian Wilayah Persekutuan yang telah memastikan keperluan itu dipenuhi,” katanya.

Sementara itu, Shahrizat yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

ketika berucap memberi jaminan akan memperjuangkan nasib para penyewa rumah DBKL supaya mereka boleh membeli rumah-rumah berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, sebagai permulaan mereka perlu ber-

pindah dahulu ke rumah-rumah sewa tersebut.

Beliau juga mahu DBKL mempertimbangkan untuk menyewa dua unit rumah bagi keluarga yang besar supaya mereka dapat tinggal dengan lebih selesa.